

Headline	Tanam pokok Eucalyptus kurangkan bergantung hutan asli		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 May 2023	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	16	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	166 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,798
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,394



Tanam pokok Eucalyptus kurangkan bergantung hutan asli

Pasir Puteh: Kerajaan Kelantan menanam pokok jenis Eucalyptus bagi mengatasi kebergantungan kepada hutan asli di negeri itu.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, berkata penanaman pokok berkenaan dilakukan sejak tiga tahun lalu di kawasan seluas 20 hektar di Hutan Simpan Sungai Betis, Pos Brooke, Gua Musang.

Katanya, benih pokok diperolehi dari Nanjing, China dengan setiap hektar ditanam kira-kira 1,000 batang pokok.

"Tanaman ini adalah percubaan kita untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sumber hutan asli, malah pertumbuhan pokok ini lebih cepat iaitu hanya tujuh tahun untuk dapat hasil.

"Bila ditebang, pokok ini mampu tumbuh semula dan boleh digunakan sehingga lima kali tanpa ditanam semula," katanya ketika ditemui dalam Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Ke-52 peringkat Kelantan 2023 di Taman Eco Rimba Jeram Linang di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan, Abdul Wahab Deraman dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Mohd Amar berkata, pertumbuhan Eucalyptus lebih cepat berbanding pokok getah klon balak (TLC) manakala kosnya juga lebih murah dengan hasil bernilai tinggi.

Katanya, usaha penanaman pokok itu turut mendapat kerjasama kajian Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

"Kos tanaman sekitar RM10,000 bagi 0.4 hektar dan kita jangka ia mampu memberi pulangan antara RM20,000 hingga RM30,000.

"Kita dapati beberapa syarikat mulai menanam pokok ini dan turut mendapat sokongan pengusaha perabot," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri sentiasa komited memastikan kelestarian alam dipelihara walaupun harus seiring dengan kehendak pembangunan ekonomi semasa.

Mohd Amar berkata, Kelantan mengekalkan jumlah keluasan hutan simpan kekal 42 peratus iaitu 629,880.95 hektar daripada keluasan tanah negeri.

Katanya, kerajaan negeri juga meluluskan cadangan Jabatan Perhutanan Negeri untuk mewujudkan dan membangunkan program Terapi Perhutanan di negeri itu.

"Kita akan terus menyokong dan mengalutukan khidmat nasihat dan bantuan teknikal kementerian berkaitan projek eko-pelancongan dan bioversiti hutan ke arah kestabilan dan pengkalan alam sekitar demi kesejahteraan masyarakat," katanya.